

# Muktamad rakan pelabur asing 2017

➤ Sasaran Naza babit urus niaga hotel projek KL Metropolis

Oleh Mohd Zaky Zainuddin  
zaky@bh.com.my

**N**aza TTDI Sdn Bhd (Naza TTDI) dijangka memuktamadkan kerjasama pelaburan dengan sebuah syarikat asing bagi membangunkan hotel mewah dalam projek pembangunan fasa kedua, KL Metropolis pada suku pertama tahun depan.

Timbalan Pengerusi Eksekutif Naza Group of Companies dan Pengarah Urusan Kumpulan Naza TTDI, SM Faliq SM Nasimuddin, berkata pihaknya kini dalam proses perbincangan dengan tiga hingga empat pelabur asing bagi pembangunan berkenaan.

Beliau berkata, mencari rakan pelaburan untuk membangunkan hotel berkenaan adalah antara komponen yang dilihat kritikal berbanding komponen lain di dalam pelan induk pembangunan KL Metropolis.

“Ada antara pelabur asing yang berbincang dengan kita

sudah melabur di Malaysia dan nama syarikat mereka kita tidak dapat umumkan kerana ia masih pada peringkat awal dan ada perbincangan sudah memasuki fasa berikutnya.

“Pada masa ini, tumpuan kami adalah untuk membangunkan blok kediaman servis mewah yang dijangka dilancarkan pada penghujung tahun ini,” katanya pada media selepas majlis pelancaran Galeri KL Metropolis Show di Kuala Lumpur, semalam.

Yang turut hadir, Pengerusi Eksekutif Bersama Kumpulan Naza Group of Companies dan Pengerusi Naza TTDI, SM Nasarudin SM Nasimuddin.

## Mulakan projek kediaman

Projek pembangunan hotel mewah dalam KL Metropolis antara komponen bakal dimajukan bersama antaranya komponen pejabat strata, kondominium mewah dan menara

mercu tanda pada fasa ketiganya yang dikenali sebagai Met3 dengan anggaran nilai pembangunan kasar (GDV) RM8.1 bilion.

SM Faliq berkata, pihaknya mengambil keputusan untuk membangunkan projek kediaman terlebih dahulu berbanding unit komersial berikutan kelemahan jualan dalam segmen hartanah ketika ini.

Katanya, sebanyak 616 unit kediaman dengan keluasan antara 650 hingga 1,600 kaki persegi akan dibangunkan dengan harga tawaran bermula RM1,000 sekaki persegi.

“Dalam persekitaran unit komersial tidak terjual ketika ini, kami mengambil langkah memulakan projek kediaman dahulu dan mula membangunkannya sekiranya pasaran kembali stabil.

“Syarikat juga optimis menjual 60 peratus daripada keseluruhan unit kediaman ketika ia dilancarkan pada hujung tahun ini,” katanya.

Fakta  
nombor

RM8.1

BILION

nilai  
pembangunan  
kasar Met3 KL  
Metropolis

616

UNIT

kediaman  
dalam KL  
Metropolis



**SM Faliq (tiga dari kanan) dan Nwsarudin (kanan)** pada Majlis pelancaran galeri KL Metropolis Show di Kuala Lumpur, semalam.